

Isu khidmat gunting, dandanan rambut

'Tak munasabah caj tambahan sehingga RM10'

Pengusaha diminta beri justifikasi elak cubaan ambil kesempatan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Orang ramai dan persatuan pengguna menyifatkan keputusan Gabungan Pemandan Rambut Malaysia mahu menaikkan caj perkhidmatan itu, tidak munasabah hanya disebabkan kos apron serta sarung tangan pakai buang yang jauh lebih rendah berbanding peningkatan kos operasi.

Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan, berkata gabungan itu perlu memberi justifikasi terhadap kenaikan caj perkhidmatan itu yang dikenakan ke atas setiap pelanggan bagi mengelak cubaan mengambil kesempatan.

"Pengusaha perkhidmatan ini perlu beri justifikasi berdasarkan pertambahan kos operasi mereka berdasarkan kelengkapan digunakan kepada pelanggan.

"Mustahil untuk mengenakan caj sehingga RM10 jika mereka hanya menggunakan apron dan sarung tangan pakai buang yang dijual pada harga tidak menjangkau kadar kenaikan terbabit.

"Kita tidak mahu amalan ambil kesempatan untuk mengaut keuntungan 'hidup lebih segar'

dalam keadaan kita sedang berdepan wabak COVID-19," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Kelmarin, caj gunting dan dandanan rambut dilapor akan dinaikkan antara RM5 hingga RM10 setiap pelanggan susulan peningkatan kos operasi pematuan prosedur operasi standard terhadap perkhidmatan itu.

Caj itu dipersetujui tujuh persatuan gunting rambut yang menyertai gabungan berkenaan pada mesyuarat baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia, Datuk Dr Paul Selvaraj, berkata kenaikan caj seharusnya pada kadar berpatutan bagi mendapatkan pulangan setimpal.

"Kita akan siasat jika ada sebarang aduan untuk meneliti sama ada kenaikan adalah munasabah atau untuk mengambil kesempatan ke atas pengguna.

"Seterusnya kita akan salurkan perkara ini kepada pihak kerajaan supaya tindakan sewajarnya boleh dikenakan ke atas



Kita tidak mahu amalan ambil kesempatan untuk mengaut keuntungan 'hidup lebih segar' dalam keadaan kita sedang berdepan wabak COVID-19.

Nadzim Johan,
Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia

Persatuan setuju naik caj RM5 hingga RM10

[This block contains a smaller version of the main article text, including a photo of Nadzim Johan.]

Keratan akhbar *BH*, semalam.

mana-mana pengusaha tidak bertanggungjawab," katanya.

Bagi penjawat awam, Siti Safiah Md Zainudin, 31, kenaikan sehingga RM10 bagi perkhidmatan itu sebagai tidak berpatutan dan membebaskan pengguna.

"Pengusaha boleh menaikkan caj kepada pelanggan, tetapi biar berpatutan dan mungkin ia boleh ditetapkan pada kadar maksimum RM5 setiap pelanggan. Mereka perlu mengambil kira situasi ekonomi sekarang dan rakyat tidak seharusnya dibebani dengan lebih banyak perbelanjaan," katanya.

Penghantar makanan, Muhammad Na'im Fitri Abu Bakar, 31, berkata caj perkhidmatan itu tidak wajar kerana kos operasi membeli peralatan tambahan tidak membabitkan peningkatan besar.

"Kelengkapan untuk mematuhi SOP dibeli secara pukal, sekali gus menyebabkan harga dapat dikurangkan dalam jumlah yang banyak, malah, pengusaha tidak perlu menggunakan kelengkapan mewah untuk memenuhi SOP ditetapkan kerajaan.

"Pengusaha perlu mengambil kira bilangan ahli keluarga yang akan menggunakan perkhidmatan ini. Ia sekali gus akan membebaskan isi rumah," katanya.

Kakitangan swasta, Muhammad Najib Abdurrahin, 31, menyarankan orang ramai mempelajari teknik potongan rambut menerusi tutorial di internet.

"Cadangan ini dapat mengelak pengguna dikenakan caj melampau, selain mampu mengurangkan kebarangkalian dijangkiti COVID-19," katanya.